

**D.R. 33/97**

**Naskhah Sahib—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Bank Negara Malaysia 1958, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 16A dengan memasukkan selepas perkataan "Banking and Financial Institutions Act 1989," perkataan "the Money-Changing Act 1997,". Pindaan seksyen 16A. Akta 519.

3. Subseksyen 30(3) Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 30.

(a) dengan menggantikan perkataan "and" yang terdapat selepas perkataan "Takaful Act 1984" dengan koma; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "the Banking and Financial Institutions Act 1989" perkataan "and the Money-Changing Act 1997,".

Pindaan  
seksyen 34.

**4. Perenggan 34(1)(b) Akta ibu adalah dipinda —**

- (a) dengan memotong perkataan "and" yang terdapat selepas perkataan "Takaful Act 1984,"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "Banking and Financial Institutions Act 1989" perkataan "and the Money-Changing Act 1997".

Pindaan  
seksyen 37.

**5. Subperenggan 37(1)(e)(ii) Akta ibu adalah dipinda —**

- (a) dengan menggantikan perkataan "or" yang terdapat selepas perkataan "1963" dengan koma; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "Takaful Act 1984" perkataan "or the Money-Changing Act 1997".

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958.

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan mula berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2, 3, 4 dan 5* bertujuan meminda seksyen 16A, 30, 34 dan 37 yang merupakan pindaan yang berbangkit daripada pembuatan suatu Akta yang berasingan tentang pengurusan wang.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 2021.]